

Headline	TNB perjas isu caj satu peratus		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	03 May 2013	Color	Black/white
Section	Ekonomi	Circulation	192,982
Page No	B4	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	84 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,473
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,420



# TNB perjas isu caj satu peratus

**Tenaga** Nasional Bhd (TNB) berkata caj tambahan satu peratus kepada pengguna elektrik bagi Dana Tenaga Boleh di Perbaharui (RE Fund) bukan suatu yang baru atau satu skim untuk mengutip wang daripada pelanggan.

Syarikat utiliti itu berkata, ia hanya bertindak sebagai ejen kutipan mewakili Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA), agensi di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, bagi dana tenaga boleh diperbaharui.

“Bermula Disember 2011, caj satu peratus dikenakan bagi semua pengguna, kecuali bagi pelanggan domestik yang menggunakan kurang daripada 300 jam kilowatt elektrik atau bersamaan dengan RM77 sebulan,” kata syarikat itu dalam satu kenyataan bagi menjelaskan tentang tuduhan yang tersebar dalam media sosial baru-baru ini berkaitan dengan caj satu peratus bagi Dana Tenaga Boleh di Perbaharui.

Syarikat itu berkata caj satu peratus itu dikenakan susulan pelancaran sistem galakan, mekanisme pembiayaan di bawah Akta Tenaga Boleh Diperbaharui 2011 dan Akta SEDA 2011.

Ia untuk menggalakkan pembangunan tenaga boleh diperbaharui menerusi perkongsian kos dalam kalangan pengguna elektrik di Semenanjung. **BERNAMA**